

# Zainal Amat wira perkasa

- 4 DEC 1990 & Harian (M)

## Oleh RAHIME YUSOF

JUARA Kelas Bebas kebangsaan, Zainal Amat, memamer kehebatan luar biasa bagi mencatat keputusan mengejut ke atas juara dunia '90, Pieters Ludo dari Belgium untuk mara ke perlawanan akhir Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, semalam.

Turut mara ke akhir ialah Ahmad Wardi Salim (Kelas B), Shahrudin Kamaruddin (A), Nazrah Latif (A) dan Afyiah Haji Fadzil bagi Kelas C wanita.

Naib juara dunia '90, Ahmad Wardi tidak menghadapi saingan hebat dari pesilat Brunei, Hamzani Haji Moksini.

Zainal, walaupun kekurangan di segi ketinggian, pesilat negara itu menggunakan taktik menyerang cara dekat bagi mematikan serangan Ludo menerusi tendangan.

Zainal berkata: "Saya hampir

tidak percaya dapat mengetepikan juara dunia. Nasib saya baik apabila cepat mengesan kehebatan tendangan lawan pada pusingan pertama dan menukar taktik berlawan jarak. Ia benar-benar berkesan hingga Ludo sukar melepaskan tendangan."

Dia adalah pemenang pingat perak Pesta Sukan Merdeka Brunei, Mac lalu apabila ditewaskan oleh I Wayan Mudra dari Indonesia.

"Jika Wayan mara ke akhir nanti, saya akan pastikan hutang di Brunei dapat dilunasi," kata Zainal selepas perlawanan, semalam.

Bekas juara terbuka dunia '87, Mazlan Shaari, hampir menjadi mangsa kepada pesilat Austria, Kotzian Johann, dalam pertarungan Kelas I apabila gagal mengekalkan rentak permainan pada pusingan ketiga.

Mazlan yang berkuasa pada dua pusingan awal gagal bertindak akibat kecederaan kaki kiri

bagi membuka ruang kepada Johann melepaskan sepakan ke dada kiri dan kanan yang diselang seli dengan tendangan mengiring ke ulu hati.

Sebaliknya, Zakri Ibrahim, memalukan skuad kebangsaan dengan persembahan tidak bermaya pada dua pusingan terakhir bagi memberi kemenangan mudah kepada pesilat Thailand, Supin Sangampri.

Hadi Hassan yang digelar 'Hang Tuah Moden' dari Melaka berjaya mengetepikan Supomoro dari Indonesia sekalipun gagal bertindak baik pada pusingan pertama. Babak ketiga, menyaksikan kebangkitan Hadi untuk mara ke suku akhir.

Pesilat wanita, Anum Adnan turut mengibarkan bendera negara ke perlawanan akhir apabila menewaskan Rosewati Mohd Ali dari Singapura.

Pesilat tunggal Jerman, Andre Mewis, melengkap diri ke suku akhir selepas menyingkir pesilat Malaysia, Nazri Abu Samah.